



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

11 March 2016

KEMAS KINI PASARAN MODAL

PASARAN MODAL MALAYSIA MENINGKAT DALAM SEMUA SEGMENT, BERKEMBANG KEPADA RM2.82 TRILION

Pasaran modal Malaysia mencatatkan pertumbuhan dalam semua segmen pada tahun 2015, dengan saiznya berkembang 2.1% kepada RM2.82 trilion, bersamaan dengan 2.5 kali saiz ekonomi domestik.

Pasaran ekuiti meningkat 2.6% kepada RM1.70 trilion daripada RM1.65 trilion pada 2014, manakala pasaran bon dan sukuk meningkat sebanyak 1.4% kepada RM1.12 trilion, menurut Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) sempena pengumuman laporan tahunan 2015.

Pasaran modal Malaysia terus menjadi sumber pembiayaan utama dengan RM90 bilion dikumpulkan melalui pasaran utama untuk empat tahun berturut-turut. Sejumlah RM86 bilion telah dikumpulkan melalui bon manakala RM4 bilion melalui tawaran awam permulaan (IPO). Tambahan sebanyak RM17 bilion juga dikumpulkan melalui pasaran ekuiti sekunder.

Saiz pasaran modal Islam meningkat 6.7 peratus kepada RM1.7 trilion pada 2015 berbanding RM1.59 trilion pada 2014.

Fokus pada 2016

Antara inisiatif pada tahun 2016, SC dijangka akan merumus keutamaan tadbir urus bagi tempoh lima tahun akan datang dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2016 yang disemak semula.

SC akan terus memanfaatkan teknologi untuk menawarkan penyelesaian inovatif pembiayaan berasaskan pasaran.

[Sumber: Siaran media di laman web SC pada 10 Mac 2016]

KOMEN MSWG:

Kami percaya usaha yang diambil oleh SC untuk memperbaiki dan memudahkan produk yang inovatif dan saluran penyampaian serta meningkatkan rejim tadbir urus korporat akan membuka jalan untuk pasaran modal yang lebih luas, kukuh dan berdaya tahan. Kami menjangkakan hal ehwal tadbir urus korporat akan menjadi lebih kritikal dalam keadaan persekitaran global yang lebih mencabar dalam masa pertengahan dan terdekat. Tumpuan yang lebih perlu diberikan kepada kesaksamaan dan pengendalian pasaran yang baik untuk melindungi kepentingan pelabur terhadap mana-mana bentuk tingkah laku negatif dalam pasaran yang tidak menentu.

KEMAS KINI MENGIKUT SEKTOR

KEPUTUSAN KEWANGAN (BELUM DIAUDIT) SYARIKAT PERLADANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 [LIPUTAN MSWG KE ATAS SYARIKAT PERLADANGAN]

No	Syarikat	Modal Pasaran (RM'000)	Pendapatan	Untung Bersih (RM'000)			EPS (sen)		Harga Saham	P/E	DY	Nota
			Naik/ (Turun) %	2015	2014	Naik/ (Turun)	2015	2014				
1	Genting Plantations Bhd	8,630,422	-16%	176,595	383,777	-54.0%	24.5	49.3	11	44.9	0.5%	
2	United Plantations Bhd	5,494,745	-2%	292000	279000	4.7%	141.0	134.0	26.4	18.7	3.8%	
3	Kulim (Malaysia) Bhd	5,463,758	36%	1,417,519	308,441	359.6%	109.8	12.6	3.92	3.57	9.6%	1
4	Felda Global Ventures Bhd	5,289,820	3%	312,006	538,652	-42.1%	3.2	8.9	1.45	45.3	2.8%	
5	TSH Resources Bhd	2,650,463	-25%	-98,025	150,227	-165.3%	-7.4	10.3	1.9	Tiada	1.1%	2
6	Boustead Plantations Berhad	2,400,000	-14%	72,259	52,418	37.9%	4.9	4.3	1.5	30.6	8.7%	
7	Sarawak Oil Palms Bhd	1,915,402	27%	88,317	123,399	-28.4%	19.3	26.3	4.34	22.5	0.0%	
8	Hap Seng Plantations Bhd	1,904,000	-12%	96,448	128,312	-24.8%	12.1	16.0	2.38	19.7	3.4%	
9	Far East Holdings Bhd	1,102,842	-23%	80,653	104,254	-22.6%	50.4	65.9	7.800	15.5	3.9%	
10	Kretam Holdings Bhd	1,050,010	-7%	-5,032	10,759	-146.8%	-0.3	0.6	0.560	Tiada	0.0%	
11	TDM Bhd	1,029,755	-1%	72,472	54,376	33.3%	5.0	3.8	0.695	13.9	0.0%	
12	TH Plantations Bhd	998,752	-7%	23,929	59,580	-59.8%	7.0	5.5	1.130	16.1	0.0%	
13	BLD Plantation Bhd	813,450	-7%	-5,875	33,017	-117.8%	-6.6	35.6	9.200	Tiada	0.0%	
14	Rimbunan Sawit Bhd	751,798	-23%	-62,332	2,753	2364.2%	-2.7	0.2	0.530	Tiada	0.0%	3
15	Sarawak Plantations Bhd	495,600	-14%	20,534	60,885	-66.3%	7.6	21.9	1.770	23.2	2.5%	
16	Negri Sembilan Oil Palms Bhd	277,800	-5%	7,101	-5,002	-242.0%	8.6	-5.1	3.960	46.2	1.5%	
17	Riverview Rubber Estates Bhd	259,402	4%	6,322	9,432	-33.0%	9.7	12.1	4.000	41.4	1.5%	
Purata							22.72	23.66		20.1	2.3%	

Nota:

- Peningkatan dalam keuntungan bersih sebahagian besarnya disebabkan oleh keuntungan sebanyak RM1.34 bilion daripada penjualan NBPOL yang telah diselesaikan pada bulan Februari 2015.
- Kos sekali sahaja sebanyak RM139 juta berkaitan dengan pemberhentian operasi anak syarikat milik penuh tidak langsungnya, Eko Pulp & Paper Sdn Bhd, dikenakan pada tahun kewangan 2015.
- Kerugian daripada kemerosotan nilai pelaburan dalam syarikat bersekutu sebanyak RM20 juta telah dibuat pada tahun kewangan 2015.

KOMEN MSWG:

Bagi tahun 2015, 76% daripada syarikat di bawah liputan kami mengalami penurunan pendapatan antara 1% hingga 25% dan penurunan keuntungan antara 23% kepada lebih 2,000% tahun ke tahun.

Antara faktor utama yang menyebabkan jumlah keuntungan yang rendah adalah harga purata minyak sawit mentah yang rendah dan kos buruh yang tinggi yang mengecilkan margin keuntungan. [Harga purata minyak sawit mentah turun 9.6% kepada RM2,535].

Berikutan ini, harga minyak sawit mentah mengalami trend yang lebih tinggi sejak awal tahun 2016 dan dijangka kekal atau mengalami sedikit trend terbalik memandangkan kesan El Nino yang dijangka menyebabkan pengurangan keseluruhan dalam paras inventori. Walau bagaimanapun, ini boleh disangkal oleh kelembapan penggunaan global yang disebabkan oleh kesan lanjutan kelembapan China.

Kekurangan buruh dan kenaikan kos operasi masih menjadi cabaran utama bagi kebanyakan syarikat perladangan Malaysia. Pembekuan pengambilan pekerja asing dijangka memburukkan lagi masalah buruh dalam industri ini.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

SINO HUA-AN INTERNATIONAL BERHAD (“SINO HUA-AN”)

Lembaga Pengarah Sino Hua-An mengumumkan Yehua Coking Co. Ltd (“Yehua”), anak syarikat milik penuh Sino Hua-An, telah memeterai Perjanjian Pajakan dengan Linyi Xin Jiang Quan Metal Material Technology Co. Ltd pada 29 Januari 2016, untuk memajak beberapa ketuhar kok (*coking ovens*) syarikatnya (“Pajakan”).

Berikutan Pajakan tersebut, syarikat telah mencetuskan Perenggan 8.03A Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (“MMLR”) Bursa Malaysia yang mana Sino Hua-An telah dianggap sebagai menggantung sementara operasi utamanya.

Berikutan perkara di atas, Lembaga Pengarah mengumumkan syarikat itu akan mengemukakan permohonan kepada Bursa Securities untuk mendapatkan pengecualian daripada mematuhi Perenggan 8.03A (2) dan (3) MMLR.

[Sumber: Pengumuman Sino Hua-An di laman web Bursa Malaysia pada 29 Januari 2016 dan 4 Mac 2016]

KOMEN MSWG:

Kami bimbang syarikat tidak mempunyai tahap operasi teras yang mencukupi untuk mewajarkan penyenaraian diteruskan selepas Pajakan yang dicadangkan.

Kami juga khuatir sekiranya pengecualian itu diberikan, apakah akan ada perniagaan alternatif yang baik untuk syarikat? Mungkinkah akan ada perubahan ketara dalam hala tuju perniagaan syarikat?

CLIQ ENERGY BERHAD (“CLIQ ENERGY”)

Lembaga Pengarah Cliq Energy mengumumkan syarikat itu telah menerima banyak cadangan daripada penyelesaian untuk menjalankan proses pembubaran dan syarikat itu akan menjalankan proses penilaian untuk menyenarai pendek penyelesaian dan sebaik sahaja pemilihan penyelesaian dibuat, syarikat akan membuat pengumuman lain.

[Sumber: Pengumuman Cliq Energy di laman web Bursa Malaysia pada 7 Mac 2016]

KOMEN MSWG:

Seperti yang dilaporkan baru-baru ini, CLIQ gagal mematuhi tempoh pengambilalihan dan berdepan proses pembubaran. Walaupun dengan perkembangan ini, satu lagi SPAC, Sona Petroleum Berhad telah mengumumkan pengambilalihan Stag Oilfield, yang terletak di luar pantai Australia Barat dengan harga kira-kira AS\$25 juta, iaitu pada diskaun sebanyak 50% daripada harga awal yang tertakluk pada kelulusan pemegang saham.

Memandangkan SPAC datang dengan pelbagai risiko dan cabaran selaras dengan sasaran pasaran/ industri syarikat, penilaian risiko utama Syarikat perlu melibatkan kepakaran Lembaga Pengarah dan pengurusan. Dengan mesyuarat agung luar biasa Sona yang akan datang tidak lama lagi, pemegang saham perlu mengambil kira sama ada pengambilalihan pada harga diskaun 50% daripada tawaran asal sebanyak AS\$50 juta itu adalah tawaran yang bagus dalam persekitaran semasa yang tidak menentu atau keluar daripada perjanjian itu dan mendapatkan semula pelaburan.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Cliq Energy Berhad.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.